

9 JAN 1996

Cuepacs - Konvensyen

CUEPACS TIDAK MAHU DIGUNAKAN UNTUK KEPENTINGAN INDIVIDU

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Cuepacs tidak akan membenarkan pertubuhan itu digunakan untuk kepentingan individu atau golongan tertentu, kata presidennya, Mohd Mat Jit.

Beliau berkata, dalam hal ini peranan pekerja haruslah dipereratkan lagi dengan menggembeling semangat dan dayausaha bagi menangani tanggungjawab dengan penuh kegigihan.

"Aspirasi negara dan aspirasi Cuepacs adalah sama dan kita akan memperjuangkan peningkatan dan pengukuhan martabat kaum pekerja," katanya semasa berucap di konvensyen Cuepacs ke-20 di sini, hari ini.

Konvensyen yang diadakan setiap tiga tahun itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi.

Mohd berkata dalam perhubungan antara Cuepacs dan kerajaan, kongres itu sentiasa bersifat terbuka dan bertindak untuk menegakkan keadilan dan saling hormat-menghormati pandangan pihak kerajaan.

Beliau juga menarik perhatian kerajaan mengenai keberkesanan sistem perundingan yang diamalkan sekarang yang mana Majlis Bersama Kebangsaan (MBK), Sokongan Am yang mempunyai kuasa mutlak dalam semua hal, tidak bermesyuarat hampir satu setengah tahun.

Mohd juga meminta kerajaan memulihkan hak perundingan bagi sektor awam demi kepentingan bersama serta menjamin perkembangan kesatuan sekerja di sektor awam.

Sementara itu, setiausaha agung Cuepacs, A.H Ponniah berkata, Cuepacs tidak pernah menghalang hak pegawai-pegawai tinggi kerajaan daripada mendapat pelarasan gaji dan bonus yang sepatutnya.

Beliau berkata, Cuepacs tidak menghalang mana-mana pihak menerima apa yang patut mereka terima dan menambah kata bahawa cadangan pengagihan RM2 bilion oleh Cuepacs memberikan keadilan kepada semua golongan pekerja sektor awam.

Menurutnya, dalam pengagihan itu, Cuepacs memberikan keutamaan kepada kumpulan rendah yang memerlukan perhatian khas. Tetapi ini tidak bermakna kumpulan tinggi tidak mendapat apa-apa kerana mereka turut menikmati pelbagai faedah lain.

"Terpujanglah kepada kerajaan untuk menyelesaikan isu jurang kumpulan tinggi dan kumpulan rendah ini," katanya ketika diminta mengulas ucapan Perdana Menteri di perasmian konvensyen itu.

Dalam ucapannya pagi tadi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata anggapan bahawa pegawai tinggi kerajaan tidak berhak mendapat pelarasan gaji dan bonus sebagai satu yang tidak adil kerana mereka turut menyumbang kepada jumlah wang untuk membayar gaji dan bonus melalui cukai pendapatan.

Hampir 900 perwakilan daripada 100 badan gabungan seluruh negara menghadiri konvensyen itu. -- Bernama